

Liow Tiong Lai Sertai Kabinet Selepas 'Menyepi' 13 Bulan

Bernama

Jun 25, 2014

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai hari ini menyertai semula kabinet setelah "menyepi" selama 13 bulan.

Liow, 53, yang berasal dari Melaka itu mula menyertai barisan Kabinet pada 2008 dengan memegang portfolio Menteri Kesihatan sehinggalah pada Pilihan Raya Umum ke-13 Mei tahun lepas.

Beliau "menyepi" apabila MCA membuat resolusi menolak kesemua jawatan dalam kabinet susulan prestasi buruk parti itu dalam pilihan raya umum lepas dan keputusan itu ditarik balik parti itu baru-baru ini.

Kedua-dua keputusan itu dibuat oleh mesyuarat agung luar biasa MCA.

Sebelum itu, Liow pernah menjadi Timbalan Menteri Belia dan Sukan pada Feb 2006.

Beliau mempertahankan kerusi kawasan Parlimen Bentong untuk empat penggal berturut-turut sejak pilihan raya 1999 hingga sekarang.

Beliau memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Makanan dan Nutrisi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pernah mengetuai Majlis Perundingan Cina UKM.

Penglibatan politik beliau bermula dengan menyertai MCA pada 1981 dan kemudiannya menjadi pembantu peribadi kepada Timbalan Presiden MCA Tan Sri Lee Kim Sai pada 1988 sehingga 1989.

Selain itu, beliau pernah dilantik menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri Sumber Manusia Tan Sri Lim Ah Lek pada 1996 sehingga 1999.

Pada PRU tahun lepas beliau mengekalkan kerusi Parlimen Bentong selepas menewaskan lawannya Wong Tack daripada DAP dengan majoriti 379 undi. Liow mendapat 25,947 undi dan Wong Tack mendapat 25,568 undi.

Beliau pernah mencetuskan kontroversi apabila menjadi antara 15 anggota Jawatankuasa Pusat Pemuda MCA yang meletak jawatan dalam percubaan untuk mengadakan pilihan raya baharu parti itu pada Disember 2001.

Pada 21 Dis tahun lepas, beliau menerajui MCA sebagai Presiden parti itu bagi penggal 2013/2016 apabila mengalahkan Gan Ping Sieu dan Datuk Seri Ong Tee Keat dengan majoriti 186 undi.

Beliau berkahwin dengan Datin Seri Lee Sun Loo dan mempunyai tiga anak.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049194>